

APLIKASI STRATEGI KESEDARAN METAKOGNISI SEMASA MEMBACA TEKS MODEN DAN KLASIK DALAM KALANGAN MURID PRAUNIVERSITI

(*The Application Of Metacognition Awareness Strategy In Reading Modern And Classic Texts Among Pre-University Students*)

YAHYA OTHMAN

yahya.othman@ukm.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

MASZURAIMAH MUIZZ SULAIMAN

maszy@hotmail.com

Universiti Brunei Darussalam

ABSTRAK: Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kesedaran strategi metakognitif dalam membaca bagi murid tingkatan enam. Kajian ini membandingkan kesedaran strategi metakognitif yang digunakan dalam membaca teks Bahasa Melayu klasik (BMK) dan teks Bahasa Melayu standard (BMS). Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan, pemerhatian dan temu bual. Tiga set instrumen digunakan bagi mengumpul data, iaitu (i) teks bacaan Bahasa Melayu standard dan teks bacaan Bahasa Melayu klasik, (ii) soalan kefahaman dan (iii) satu set inventori strategi MARSII (*Metacognitive Awareness Reading Strategies Inventory*) mengandungi 30 item bagi mengukur strategi pembacaan metakognitif. Seramai 45 murid tingkatan enam dijadikan sebagai sampel dalam kajian ini. Selain daripada itu, pengkaji turut menjalankan pemerhatian dan temu bual terhadap tiga sampel yang dipilih. Dapatan kajian menunjukkan bahawa, tahap pemahaman murid semasa membaca teks BMK lebih tinggi daripada pencapaian dalam teks BMS. Dapatan juga menunjukkan bahawa strategi metakognitif lebih kerap digunakan semasa membaca teks BMK berbanding teks BMS. Strategi penyelesaian masalah merupakan strategi yang paling kerap digunakan semasa membaca teks BMK dan BMS, dan strategi ini juga mempengaruhi pencapaian markah ujian pemahaman bagi kedua-dua teks bacaan. Secara keseluruhannya, didapati sampel kajian menggunakan strategi metakognitif dalam bacaan mereka pada tahap yang memuaskan.

Kata kunci: strategi membaca, strategi metakognitif, Inventori MARSII, teks bahasa Melayu standard, teks bahasa Melayu klasik

ABSTRACT: This research was conducted to identify the use of metacognitive strategy in reading Bahasa Melayu Klasik (BMK) or known as Classical Malay Language and Bahasa Melayu Standard (BMS) or known as Standard Malay Language. This research employed three different research methods: survey, observation and interview. Three sets of research instruments were applied to collect data, namely (i) Standard Malay Language reading text and one Classical Malay Language reading text, (ii) comprehension questions, and (iii) a set of MARSII (*Metacognitive Awareness Reading Strategies Inventory*) inventory strategy, which comprised 30 items for measuring metacognitive reading strategy. There were 45 sixth form students used as samples. The researcher also carried out observations and interviews on three samples. The result of this research showed that there was a higher level of comprehension found in students when reading the BMK text compared to the BMS text. The finding also suggested that the metacognitive strategy was eminently employed when reading the BMK text than the BMS text. A problem solving strategy is a strategy that is highly facilitated when reading both BMK and BMS texts, and thus, this strategy influenced students' achievement in the comprehension test for both reading texts. In conclusion, the finding illustrated that the samples applied metacognitive strategy in their reading at a satisfactory level.

Key words: reading strategy, metacognitive strategy, MARSII Inventory, Standard Malay Language reading text, classical Malay Language reading text

PENGENALAN

Penelitian tentang membaca adalah rumit kerana melibatkan aktiviti kognitif. Membaca bukan hanya sekadar membunyikan tulisan tetapi melibatkan aktiviti berfikir, psikolinguistik dan metakognitif (Farida 2007). Metakognitif merupakan satu konsep yang baharu, tetapi kemahiran yang ada di dalamnya sudah lama disedari. Yahya (2005) menyatakan metakognitif sebagai kebiasaan sendiri murid merancang, kecekapan memantau, menguji, membuat semakan dan menilai strategi itu. Tiga cara yang sering digunakan untuk mengukur metakognitif murid membaca melibatkan yang melibatkan aktiviti pemantauan, penilaian dan peraturan. Dengan ini, guru dapat merangka strategi pengajaran yang sesuai dengan matlamat kemahiran membaca.

Membaca merupakan proses mendapatkan maklumat dan pengetahuan bagi tujuan membentuk makna. Pembaca yang efektif akan menggunakan beberapa strategi membaca yang sesuai untuk mendapatkan makna semasa membaca. Salah satu strategi yang boleh digunakan ialah strategi metakognitif. Sehubungan itu, membaca menggunakan strategi metakognitif memerlukan pembaca melalui beberapa proses seperti merancang, memeriksa, menaksir, memahami, memantau, dan menaakul. Kajian Mokhtari dan Reichard (2002) mendapati pembaca yang cekap menggunakan strategi metakognitif semasa membaca lebih kerap berbanding pembaca yang lemah. Sebaliknya pembaca yang lemah didapati kurang pengetahuan tentang strategi metakognitif semasa membaca.

Menurut Cohen (1998) pula, membaca bahan yang berbentuk akademik merupakan satu proses yang kompleks yang melibatkan keseluruhan tahap kesedaran strategi metakognitif secara aktif. Murid yang mempunyai pengetahuan mengenai proses kognitif, boleh menggunakan pengetahuan tersebut untuk memilih strategi yang paling efisien untuk menyelesaikan masalah. Pengetahuan metakognitif yang ada pada murid membolehkan mereka merefleksi perancangan, menetapkan matlamat, memproses kefahaman, mengawasi perkembangan, mengecam masalah-masalah dan memperbaiki masalah-masalah tersebut semasa mereka membaca teks bacaan (Grabe & Stoller, 2002). Oleh yang demikian, pengetahuan metakognitif jelas memainkan peranan yang penting untuk pembaca memahami secara jelas dan sedar tentang penggunaan strategi semasa membaca.

Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam, membaca menggunakan strategi metakognitif juga ditekankan di dalam kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah. Murid digalakkan membaca dengan mementingkan aspek kefahaman (Kementerian Pendidikan Brunei, 2007). Murid diminta melakukan strategi membaca yang sesuai agar kualiti pemahaman dapat dipertingkatkan. Di samping itu, kemahiran tersebut sangat penting dikuasai agar murid dapat menggunakannya semasa membaca untuk tujuan memahami teks bacaan pengajaran lain.

PENYATAAN MASALAH


Murid sering berhadapan dengan masalah tidak memahami keseluruhan teks yang dibaca. Menurut Yahya (2008), masalah memahami teks berlaku bermula dari peringkat rendah, menengah dan berterusan hingga ke peringkat pengajian tinggi. Murid bukan hanya tidak memahami sepenuhnya teks bacaan yang menggunakan bahasa pertama mereka bahkan tidak memahami bahasa yang lain, contohnya bagi genre bahasa Melayu klasik. Selain itu, terdapat juga kajian yang dijalankan oleh Kusumi (2010) yang bertajuk '*Sri Lankan University Student's Metacognitive Awareness of L2 Reading Strategies*'. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kesedaran strategi metakognitif dalam kalangan murid yang berbeza tahap keterampilan membacanya. Kajian ini dijalankan ke atas 168 murid Universiti Sri Lanka yang berbeza tahap keterampilan membaca, iaitu lemah, sederhana dan tinggi. Kajian ini menggunakan satu set ujian kefahaman dan mereka dibahagikan kepada tiga kumpulan mengikut tahap keterampilan membaca dan tahap kesedaran metakognitif mereka diukur menggunakan inventori MARS (Mokhtari & Reichard 2002). Dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara tiga tahap keterampilan pembaca dalam kalangan murid universiti bagi markah membaca teks kefahaman. Murid yang tinggi tahap keterampilan membacanya menunjukkan markah min, $M=29.21$ ($SD=3.00$),

sementara yang sederhana, $M=19.86$ ($SD=3.33$) dan yang lemah, $M=10.14$ ($SD=2.51$). Dalam ujian *Tukey's post hoc* menunjukkan markah murid tahap keterampilan membaca yang tinggi ketara lebih tinggi berbanding murid yang lemah.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Noor Zainab dan Siti Norashikin (2010) bertujuan untuk mendapatkan persepsi murid universiti tahun satu terhadap strategi bacaan ketika membaca teks akademik. Sampel merupakan 60 orang murid tahun satu di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Satu set soal selidik yang mengandungi 58 item telah diedarkan bagi menganalisis strategi bacaan yang digunakan oleh mereka. Dalam kajian ini, keputusan menunjukkan bahawa murid-murid telah menggunakan tiga strategi membaca yang dicadangkan, iaitu strategi kognitif, metakognitif dan sosial untuk memahami teks. Mereka juga mendapati bahawa tidak banyak perbezaan dalam bilangan dan jenis strategi bacaan yang digunakan oleh murid bertahap tinggi dan yang bertahap rendah. Berdasarkan analisis yang dijalankan Didapati murid berprestasi tinggi telah menggunakan ketiga-tiga strategi bacaan yang dicadangkan oleh pengkaji. Bagi murid berprestasi rendah, mereka hanya menggunakan strategi bacaan metakognitif dengan sepenuhnya.

Terdapat murid yang tidak menggunakan strategi yang sesuai semasa membaca. Mereka sering kali membaca teks secara sekali imbas (*skimming*) hanya sekadar untuk mendapatkan kata kunci yang terdapat dalam teks tersebut dan kemudiannya mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada mereka. Hal ini menyebabkan murid tidak menanggapi makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penulis teks (Yahya 2008). Yahya dan Noradinah (2012) dalam kajiannya mendapati masalah penguasaan teks bagi tujuan pemahaman sering wujud terutama bagi murid yang tidak memikirkan strategi membaca yang melibatkan kognitif. Kajian mereka juga menunjukkan keupayaan menggunakan strategi metakognisi banyak bergantung kepada persediaan sebelum dan selepas membaca. Masalah memahami teks juga disebabkan tahap pemikiran pembaca tidak selari dengan

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 1: Kerangka konseptual penyelidikan

Menurut teori konstruktivis, membaca adalah proses perkembangan mental yang aktif semasa membina pengetahuan (Yahya 2008). Menurut teori ini juga pengetahuan pembaca diperoleh sama

ada melalui pengalaman mahupun pendedahan. Pembaca mampu menguasai pengetahuan mereka tentang perkara mereka baca dengan menyesuaikan hanya mengikut keperluan pembaca sahaja. Dalam pembinaan makna, teori ini mengaitkannya dengan cara mensintesiskan pengalaman baharu dengan perkara yang mereka telah fahami (Yahya 2008: 17). Berdasarkan Rajah 1, pembaca memainkan peranan penting dalam proses membaca kerana pembacalah yang berinteraksi dengan bahan dan peristiwa yang dialaminya serta memperoleh kefahaman tentang bahan dan peristiwa tersebut. Oleh itu, pembaca yang membina sendiri pemahaman dan membuat penyelesaian masalah yang dihadapi sebelum, semasa dan selepas membaca.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan khusus dengan tujuan untuk:

1. Menyelidik strategi metakognitif yang digunakan oleh sampel semasa membaca teks BMS dan teks Bahasa Melayu Klasik (BMK).
2. Membuat perbandingan signifikan antara strategi-strategi metakognitif yang digunakan semasa membaca teks Bahasa Melayu Standard (BMS) dan BMK.
3. Menganalisis cara sampel menggunakan strategi metakognitif semasa membaca teks.

PERSOALAN KAJIAN

Bagi memenuhi keperluan objektif yang telah dinyatakan di atas, beberapa soalan kajian yang telah digariskan akan menjadi fokus utama kajian ini.

1. Apakah strategi metakognitif yang digunakan semasa membaca teks bacaan BMS dan BMK?
2. Adakah wujud perbezaan signifikan antara strategi metakognitif yang digunakan semasa membaca teks?
3. Bagaimanakah sampel menggunakan strategi metakognitif semasa membaca teks BMK dan BMS?

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Penyelidikan

Kajian ini menggabungkan pendekatan kajian kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini memfokuskan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan untuk mengumpulkan data berkaitan kekerapan dan perbandingan strategi metakognitif yang digunakan semasa membaca teks bacaan BMS dan BMK. Pendekatan kualitatif pula digunakan untuk menyokong data utama dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Perbincangan dapatan kajian ini dilakukan secara deskriptif.

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian terdiri daripada murid-murid tingkatan enam di Pusat Tingkatan Enam Katok. Dalam kajian ini, seramai 45 orang murid dipilih sebagai sampel. Sampel dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Semua sampel diminta untuk memilih item-item yang bersesuaian dengan strategi membaca yang mereka gunakan berdasarkan borang inventori strategi kesedaran membaca MARSII (*Metacognitive Awareness Reading Strategies Inventory*) Tiga sampel dipilih untuk memenuhi keperluan kaedah pemerhatian dan temu bual. Tiga orang sampel tersebut dipilih berdasarkan perbincangan pengkaji dengan guru kelas Pemilihan mereka juga bagi memastikan sampel dianggap bermasalah dalam pembacaan mereka.

Instrumen Kajian

Bagi mendapatkan data, lima set instrumen digunakan yang terdiri daripada dua set teks bacaan BMS dan BMK serta ujian kefahaman, dua set kaji selidik senarai semak berkaitan strategi pemahaman membaca, borang pemerhatian dan prosedur temu bual.

Teks Bacaan dan Kefahaman

Dua set teks bacaan digunakan dalam kajian ini, iaitu teks BMS dan BMK. Set bacaan serta soalan kefahaman merupakan teks bacaan yang terdiri daripada teks bacaan BMK yang dipetik dan diubah suai daripada buku Hang Tuah. Teks bacaan ini mengandungi tiga muka surat, lapan perenggan dan 780 patah perkataan. Manakala, set kedua terdiri daripada teks bacaan BMS serta soalan kefahaman yang dipetik dan diubah suai daripada majalah Dewan Masyarakat (2002) yang bertajuk '*Penyelesaian Masalah Remaja Lari Dari Rumah*'. Teks ini mengandungi empat muka surat, 19 perenggan dan 1100 patah perkataan. Untuk menentukan kesahan penggunaan kedua-dua teks bacaan tersebut, pengkaji telah merujuk dua orang guru yang mengajarkan mata muridan Bahasa Melayu di tingkatan enam. Mereka telah meneliti aspek kesesuaian kandungan, bahasa, dan soalan kefahaman yang dikemukakan. Teks ini digunakan sebagai rujukan bagi penulisan karangan pendapat atau perbincangan bagi murid tingkatan enam. Bagi teks BMK, iaitu teks Hang Tuah yang digunakan terkandung dalam salah satu kajian teks yang digunakan bagi semua murid tingkatan enam yang mengambil pengkhususan mata muridan Bahasa Melayu.

Inventori Strategi MARSI (*Metacognitive Awareness Reading Strategies Inventory*)

Inventori strategi kesedaran membaca digunakan bagi mengutip data. Inventori strategi ini merupakan senarai semak strategi kefahaman bacaan yang diterjemahkan dan diadaptasi daripada '*Metacognitive Awareness Reading Strategies Inventory*' (MARSI) yang dibina oleh Mokhtari dan Reichard (2002). Inventori ini juga meliputi kesemua strategi membaca dalam semua tahap pembacaan dari sebelum, semasa dan selepas membaca. Inventori strategi kesedaran membaca ini digunakan kerana menurut Mokhtari dan Reichard (2002), inventori ini dibina untuk digunakan bagi populasi sampel yang diwakili oleh pembaca pada peringkat sekolah menengah dan kolej. Inventori ini sesuai digunakan untuk menguji pembacaan teks bacaan yang berbentuk akademik. Inventori ini mengandungi 30 item yang dikategorikan kepada tiga bahagian, iaitu strategi pembacaan global (GLOB) sebanyak 13 item, strategi penyelesaian masalah (PROB) sebanyak lapan item dan strategi sokongan (SUP) sebanyak sembilan item.

Borang Pemerhatian

Pemerhatian menggunakan borang senarai semak dijalankan oleh pengkaji untuk mengetahui cara penggunaan strategi metakognitif semasa sampel membaca dan memahami teks BMS dan BMK.

Temu bual

Prosedur temu bual telah dijalankan dengan tiga sampel kajian yang dipilih. Dalam temu bual, aspek yang ditanya adalah proses yang dilalui sebelum, semasa dan selepas membaca artikel yang disediakan. Temu bual dilakukan selepas setiap sesi membaca.

Kajian rintis

Sebelum kajian ini dijalankan di sekolah yang dipilih, pengkaji terlebih dahulu menjalankan ujian rintis kepada beberapa orang murid dari Maktab Duli Pengiran Muda Al Muhtadee Billah. Ujian rintis mendapati nilai *Conbach alpha* bagi inventori MARSI ialah 0.89 dan sesuai digunakan untuk kajian ini.

Pengumpulan dan Analisis Data

Semua sampel kajian membaca petikan teks dan menjawab soalan kefahaman semasa pengajaran Bahasa Melayu dijalankan. Dua teks bacaan, iaitu teks bacaan BMS dan BMK serta soalan kefahaman akan diberikan kepada sampel dalam dua waktu yang berbeza. Sebelum teks bacaan, soalan kefahaman dan borang kaji selidik diedarkan. Pengkaji terlebih dahulu menerangkan tujuan dan cara kajian dijalankan. Murid diberikan masa selama satu jam, iaitu satu sesi pengajaran Bahasa Melayu untuk menjawab ujian serta mengisi borang kaji selidik tersebut. Pemerhatian pula dijalankan semasa pengajaran berlangsung. Sesi temu bual dengan tiga sampel dijalankan dalam waktu yang berbeza. Semua data yang diperolehi daripada inventory MARSII dan markah kefahaman dianalisis menggunakan SPSS versi 19.0. Data dinyatakan dalam bentuk jadual dan rajah. Analisis data yang digunakan ialah *Compare Means (frequencies)*, *One Way Anova* dan *Step Wise Regression*.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Soalan kajian pertama: Apakah strategi yang digunakan oleh murid semasa membaca teks bacaan BMS dan BMK?

Jadual 1 memaparkan taburan kekerapan yang ditandakan oleh sampel dalam borang kaji selidik bagi menjawab soalan kajian di atas. Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa strategi GLOB (M=43.5; SP=7.01) merupakan strategi yang kerap digunakan, diikuti oleh strategi PROB (M=29.4; SP=5.45) dan yang terakhir strategi SUP (M=29.4; SP=4.99) semasa membaca teks BMS.

Jadual 1: Strategi membaca yang digunakan semasa membaca teks BMS

	Jumlah Glob	Jumlah Sup	Jumlah Prob
Min	43.47	29.17	29.40
Sis. Piawai	7.01	5.44	4.98

Jadual 2 pula menunjukkan bahawa strategi GLOB lebih banyak digunakan oleh sampel berbanding strategi SUP dan PROB. Markah min bagi GLOB lebih tinggi (M=44.3; SP=5.95) seterusnya diikuti oleh strategi PROB (M=30.2; SP=4.24) SUP (M=29.1; SP=5.30).

Jadual 2: Strategi membaca yang digunakan semasa membaca teks BMK

	Jumlah Glob BMK	Jumlah Sup BMK	Jumlah Prob BMK
Min	44.35	29.13	30.20
Sis. Piawai	5.95	5.30	4.24

Berdasarkan perbezaan strategi yang digunakan semasa membaca teks BMS dan BMK, markah min bagi strategi GLOB semasa membaca teks BMK, iaitu M=44.3 lebih tinggi berbanding strategi GLOB yang digunakan semasa membaca teks BMS, M=43.5. Strategi SUP pula lebih tinggi markah minnya, iaitu M=29.2 semasa membaca teks BMS berbanding teks BMK, M=29.1. Bagi strategi PROB pula, semasa membaca teks BMK lebih tinggi markah minnya, iaitu M=30.2 berbanding semasa membaca teks BMS, iaitu M=29.2. Ini menunjukkan markah min lebih tinggi dalam strategi GLOB dan PROB semasa membaca teks BMK berbanding markah min bagi strategi GLOB dan PROB dalam membaca teks BMS. Hanya strategi SUP semasa membaca teks BMS menunjukkan markah min yang daripada semasa membaca teks BMK.

Sehubungan dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa sampel-sampel lebih banyak menggunakan strategi metakognitif semasa membaca teks BMK berbanding membaca teks BMS. Ini menunjukkan bahawa teks BMK yang menggunakan banyak perkataan klasik yang bagi kebanyakan

murid sukar memahami maksud kata-kata klasik dalam teks bacaan tersebut memerlukan murid menggunakan lebih banyak strategi metakognitif untuk memastikan mereka memahami teks bacaan tersebut. Dalam hal ini, Dhanapala (2010) menyatakan bahawa semakin tinggi keperluan tahap pemahaman teks dalam kalangan murid maka akan lebih tinggi kesedaran mereka menggunakan strategi metakognitif dalam membaca semasa membaca teks akademik atau teks am.

Soalan kajian kedua: Adakah wujud perbezaan signifikan antara strategi metakognitif yang digunakan semasa membaca teks bacaan BMS dan BMK?

Bagi menjawab soalan kajian ini, analisis Anova sehalu telah digunakan. Data yang diperoleh dinyatakan seperti dalam jadual 3 dan 4. Jadual menunjukkan bahawa nilai signifikan bagi kedua-dua teks yang digunakan ialah 0.993. Nilai tersebut berada di atas nilai alpha 0.05. Hal ini menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara ketiga-tiga strategi metakognitif yang digunakan dengan membaca teks BMS. Begitu juga semasa membaca teks BMK, nilai signifikan, iaitu 0.997; > 0.05. Dapatan ini menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara ketiga-tiga strategi yang digunakan semasa membaca teks BMK.

Jadual 3: Jadual hasil analisis Anova (BMS)

	Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig.
Antara Kumpulan	.141	2	.070	.007	.993
Dalam Kumpulan	1265.19	132	9.58		
Jumlah	1265.33	134			

Jadual 4: Jadual Hasil Analisis Anova (BMK)

	Sum of Squares	Df	Mean Square	F	Sig.
Antara Kumpulan	.043	2	.021	.003	.997
Dalam Kumpulan	812.891	132	6.158		
Jumlah	812.933	134			

Soalan kajian ketiga: Bagaimanakah sampel menggunakan strategi metakognitif semasa membaca teks BMK dan BMS?

Untuk menghuraikan cara sampel kajian menjalani proses membaca, pengkaji telah menjalankan temu bual dan pemerhatian sesi bacaan. Dalam sesi temu bual dan pemerhatian, tiga peringkat proses membaca difokuskan iaitu sebelum membaca, semasa membaca dan selepas membaca.

Sesi Sebelum Membaca

Melalui temu bual ini pengkaji mendapati bahawa ketiga-tiga sampel menyatakan bahawa mereka memerhatikan keseluruhan teks terlebih dahulu, terutamanya memeriksa dari segi kepanjangannya, muka surat dan bahasanya.

S1: *"Sebelum membaca saya selalunya melihat dahulu teks-teks bacaan dari segi bahasanya, jumlah muka suratnya"*

S2: *"Saya memerhatikan keseluruhan teks bacaan tersebut, jika membaca buku cerita pula saya membaca dahulu sinopsis yang ada di belakang"*

S3: *"Kalau saya, sebelum membaca saya memerhatikan terlebih dahulu berapa perenggan, kemudian muka suratnya dan seterusnya melihat tajuk teks tersebut"*

Sebelum membaca juga semua sampel telah menetapkan tujuan mereka membaca. Ketiga-tiganya menyatakan bahawa jika teks bacaan tersebut berbentuk buku pelajaran, maka tujuannya adalah untuk peperiksaan. Jika bacaan tersebut bahan bacaan yang berbentuk majalah, komik dan sebagainya, mereka membaca hanyalah untuk tujuan hiburan dan memenuhi perasaan ingin tahu serta ingin mendapat informasi berdasarkan isi bacaan tersebut.

Sesi Semasa Membaca

Mengenai perlakuan sampel semasa membaca pula, S1 menjelaskan bahawa, semasa membaca ia akan mengubah kecepatan bacaan. Jika bahan teks yang dibaca itu dianggapnya mudah dia akan membaca dengan laju dan hanya perlu mengambil *point* (isi penting) dalam teks bacaan tersebut. Jika berhadapan dengan teks yang susah pula S1 akan mengubah kecepatannya membaca menjadi perlahan dan dia juga akan membaca teks bacaan tersebut berulang-ulang kali. Menurutnya lagi jika semasa membaca dia hilang fokus, dia akan membaca teks dari awal, membaca dengan perlahan dan membaca secara nyaring. Semasa temu bual juga pengkaji mendapati ketiga-tiga sampel menggunakan beberapa bantuan jika berhadapan dengan masalah dalam bacaan. Ketiga-tiga sampel ini menggunakan khidmat guru, rakan, kamus dan internet bagi menyelesaikan masalah ketidakfahaman mereka terhadap isi di dalam teks bacaan. Hal ini ditunjukkan menerusi hasil temu bual seperti berikut:

“Jika saya menghadapi masalah, saya akan meneruskan membaca dan cuba memahami teks tersebut dan jika masih tidak faham saya akan merujuk kepada guru, rakan atau kamus. Atau pun saya menggaris perkataan atau ayat yang susah itu kemudian menulis nota di tepi supaya ingat dan akan ditanyakan pada guru atau rakan” (S1)

Semasa pencerapan dilakukan, sampel S1 melihat keseluruhan teks bacaan tersebut sebelum memulakan bacaan. S1 memeriksa teks bacaan tersebut dari segi muka surat dan baharu memulakan bacaannya. Semasa membaca juga pengkaji mendapati S1 menggariskan beberapa ayat. Apabila S1 nampak hilang fokus S1 terus kembali membaca teks dari perenggan yang awal, strategi ini sering dilakukan berulang kali. Menurut S2 pula semasa membaca ia akan sentiasa mengubah kecepatan bacaannya. Jika bahan yang dibacanya merupakan teks deskriptif (huraian) seperti teks bacaan dari buku pelajaran, dia akan membaca secara perlahan dan cuba mencari isi penting sahaja. Jika ia hilang fokus pula, dia akan mengulangi bacaannya dari awal, S2 selalunya menggunakan strategi menghafal semasa membaca.

“Jika ada masalah, saya akan menggariskan perkataan atau ayat yang susah tersebut dan membuat nota di tepi dan saya akan meninggalkannya terlebih dahulu. Setelah selesai membaca baharulah perkataan yang susah tadi dirujuk di internet, yang paling mudah menggunakan ‘google’ atau saya gunakan kamus. Sesudah itu baharulah saya menilai adakah jawapan yang saya dapati itu logik dengan teks bacaan itu atau tidak” (S2)

Bagi sampel S2 pula, ia juga memerhatikan keseluruhan teks sebelum membaca. Pengkaji dapat melihat tahap kecepatan membaca S2 sangat perlahan tetapi ia sangat fokus semasa membaca. S2 juga menggariskan beberapa ayat-ayat penting dalam teks bacaan tersebut. Semasa membaca juga pengkaji mendapati S2 bertanyakan kepada rakannya satu perkataan yang mungkin tidak difahaminya. Apabila mendapat respons daripada rakannya, S2 meneruskan bacaannya. S3 juga menyatakan pendapat yang sama, iaitu dia juga akan mengubah tahap kelajuan membacanya bergantung kepada teks yang dibacanya. Jika bahan yang dibaca berbentuk cerita atau novel, sampel akan membaca secara cepat begitu juga sebaliknya jika berdepan dengan teks yang susah dia akan membaca secara perlahan. Jika semasa membaca dia hilang fokus pula, sampel akan mengulangi bacaannya dan cuba membaca teks tersebut secara nyaring.

"Jika berhadapan dengan masalah tidak memahami saya akan menggunakan kamus dan Internet. Jika masih ragu saya akan bertanya kepada guru atau rakan untuk mendapatkan kepastian" (S3)

Semasa membuat pemerhatian terhadap S3 pula, pengkaji mendapati sampel ini juga memerhatikan keseluruhan teks terlebih dahulu sebelum membaca. Apabila sampel ini kelihatan hilang fokus, S3 kembali semula ke perenggan awal dan membaca perenggan tersebut secara mekanis. Pengkaji juga mendapati S3 berulang-ulang kali membaca teks bacaan yang diberikan. Sesekali S3 kelihatan membulatkan beberapa perkataan dan bertanya kepada rakan yang duduk di sebelahnya untuk meminta jawapan.

Daripada dapatan kaedah pemerhatian ini menunjukkan ketiga-tiga sampel menggunakan campuran ketiga-tiga strategi GLOB, PROB dan SUP seperti yang dinyatakan dalam strategi kesedaran membaca Moktari dan Reichard (2002). Antara strategi-strategi yang paling ketara digunakan ialah GLOB 5 '*memerhatikan ciri teks daripada segi kepanjangannya dan organisasinya*', PROB2 '*membaca kembali di permulaan teks apabila saya hilang fokus*' dan strategi SUP 3 '*menggariskan dan membulatkan maklumat di dalam teks untuk mengingat*'.

Sesi Selepas Membaca

Bagi perlakuan selepas membaca pula, S1 akan memastikan dia ingat apa yang dibaca. Sampel akan cuba menghafal isi bacaan. Untuk memastikan dia faham teks yang dibaca S1 akan membuat nota untuk diri sendiri dan nota tersebut akan dibaca berulang kali untuk tujuan menghafal. Menurut S2 pula, dia menjelaskan bahawa untuk memastikan dia mengingat isi kandungan teks, dia mengeluarkan isi-isi penting daripada teks tersebut dan menuliskannya dalam nota kecil. Untuk memastikan ia faham perkara yang dibacanya, S2 lebih suka menggunakan perbincangan dengan rakan-rakannya, iaitu dengan menerangkan kepada rakan-rakannya tentang perkara yang difahaminya daripada teks bacaan tersebut. Dia juga akan menulis semula perkara yang difahaminya dalam kertas sebagai nota persendirian. Menurut S3 pula, dia akan mencari isi-isi penting dan akan membuat nota sendiri dalam bentuk peta minda. S3 juga akan membuat perbincangan dengan rakan dan menulis nota sendiri tentang perkara yang difahaminya daripada teks bacaan tersebut tanpa melihat atau merujuk semula terhadap teks bacaan tersebut.

Daripada dapatan kajian di atas menunjukkan bahawa setiap sampel memang menggunakan strategi metakognitif semasa mereka membaca. Ketiga-tiga sampel menggunakan campuran ketiga-tiga strategi metakognitif yang digariskan oleh Mokhtari dan Reichard (2002), iaitu strategi GLOB, PROB dan SUP. Sebelum membaca ketiga-tiga sampel menggunakan strategi GLOB, iaitu memerhatikan teks bacaan terlebih dahulu seperti dari segi muka surat sebelum memulakan bacaan. Semasa membaca pula sampel lebih menggunakan strategi PROB, iaitu menggariskan atau membulatkan perkataan atau ayat yang kurang atau tidak difahami dan membaca teks bacaan dari awal perenggan. Mereka juga menggunakan strategi SUP apabila menghadapi masalah semasa membaca.

Oleh itu, ketiga-tiga strategi ini telah digunakan oleh sampel dilihat berkesan. Dalam hal ini, dapatan kajian Alireza (2010) mendapati semua sampel dalam kajiannya menggunakan campuran ketiga-tiga strategi metakognitif yang digariskan oleh Moktari dan Reichard (2002), iaitu strategi GLOB, PROB dan SUP dengan baik.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi terhadap Murid

Berdasarkan dapatan kajian menjelaskan bahawa sampel telah menggunakan campuran strategi penyelesaian masalah, strategi membaca secara global dan strategi sokongan semasa membaca teks

bacaan yang disediakan. Hal ini menunjukkan bahawa murid mampu meningkatkan kemahiran berfikir dengan menggunakan strategi membaca.

Implikasi terhadap Pedagogi Guru

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa strategi metakognitif dapat membantu meningkatkan kemahiran berfikir murid. Hal ini memberi implikasi kepada guru agar bersedia dengan pengajaran yang boleh membantu dan menggalakkan murid menggunakan serta mengaplikasikan strategi-strategi kemahiran berfikir dalam proses pembelajaran. Di samping itu, aplikasi berasaskan teknologi maklumat juga mampu memberi kesan terhadap penguasaan membaca terutama kepada murid yang lebih matang (Yahya & Raini 2011)

Implikasi terhadap Teks Bacaan

Daripada dapatan kajian juga menunjukkan bahawa strategi metakognitif boleh dijadikan sebagai strategi bagi pemahaman teks bacaan. Oleh itu, guru perlu menyediakan bahan-bahan bacaan yang sesuai dengan minat dan tahap pencapaian murid agar dapat menyediakan murid dengan peluang-peluang untuk mengamalkan strategi-strategi membaca yang mampu meningkatkan kemahiran murid mengurus strategi metakognitif mereka.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, dapatan kajian yang telah diperoleh melalui soal selidik, ujian kefahaman, temu bual dan pencerapan dapat dirumuskan bahawa penggunaan strategi metakognitif memang digunakan oleh sampel. Daripada tiga strategi yang digariskan oleh Mokhtari dan Reichard (2002) serta Mokhtari dan Sheorey (2002), iaitu strategi GLOB, SUP dan PROB, strategi PROB yang lebih menyerlah dan menonjol digunakan oleh sampel. Hal ini dapat dilihat daripada dapatan yang menunjukkan strategi PROB lebih mempengaruhi dalam pencapaian markah dalam ujian kefahaman teks bacaan BMS dan BMK. Begitu juga semasa pengkaji menyusun lima strategi teratas yang digunakan lebih kerap oleh sampel ternyata strategi PROB mendominasi strategi metakognitif dalam membaca. Namun penggunaan strategi lain tidak diketepikan walaupun jumlahnya kurang berbanding strategi PROB.

RUJUKAN

- Alireza Karbalaei (2010). A comparison of the metacognitive reading strategies used by EFL and ESL readers. *The Reading Matrix*, 10 (2): 165-179.
- Cohen, A.D. (1998). *Strategies in learning and using a second language*. London: Longman.
- Farida Rahim (2007). *Pengajaran membaca di sekolah dasar*. Jakarta: PT Bumi Aksara.
- Grabe, W. & Stoller, F. (2002). *Teaching and researching reading*. New York: Longman.
- Taha Mohd Salleh (1993). Kemahiran kefahaman membaca bagi murid-murid sekolah rendah atas di Sekolah Rendah Junjungan, Brunei IV. Latihan Ilmiah. Universiti Brunei Darussalam.
- Kementerian Pendidikan (2007). *Rujukan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menengah bawah*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Perkembangan Kurikulum.
- Kusumi Vasantha Dhanapala (2010). Sri Lankan university student's metacognitive awareness of L2 reading strategies. *Journal of International Development and Cooperation*, 16 (1): 65-82.
- Mokhtari, K., & Reichard, C. A. (2002). Assessing students' metacognitive awareness of reading strategies. *Journals of Educational Psychology*, 94: 249-259.
- Mokhtari, K., & Sheorey, R. (2002). Measuring ESL students' awareness of reading strategies. *Journal of Development Education*, 25: 2-10.
- Mohd. Majid Konting (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- Negmeldin O. Alsheikh (2010). An examination of the metacognitive reading strategies used by native speaker when reading in English and Arabic. *Journals of English Language Teaching*, 4 (2): 151-159.
- Noor Zainab Abdul Razak & Siti Norashikin Amir (2010). 'A study on student's perception of reading strategies while comprehending an academic text by UTM Students'. Diakses pada 20 Februari 2011 daripada <http://eprints.utm.my/10736/>
- Nurul Insan Kamis (2009). *Strategi kesedaran metakognitif dalam bacaan murid tahun 12*. Tesis latihan ilmiah yang tidak diterbitkan. Universiti Brunei Darussalam.
- Rita Purnama Sari (2009). *The correlation between metacognitive awareness reading strategy and reading comprehension performance*. Diakses pada 15 Februari 2011 daripada <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber>
- Simah Mamat. (2008). *Keberkesanan strategi metakognisi dalam pemahaman membaca teks KOMSAS genre prosa tradisional*. Diakses pada 10 Mac 2011 daripada www.simahmamat.wordpress.com
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran Bahasa Melayu*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahya Othman. (2008). *Proses & strategi membaca berkesan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Yahya Othman & Raini Pakar. (2011) Kesan aplikasi komputer secara interaktif semasa mengajarkan kemahiran bacaan dan kefahaman dalam kalangan murid tahun 4 di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1): 27-49.
- Yahya Othman & Noradinah Hj Jaidi (2012) The employment of metacognitive strategies to comprehend texts among pre-university students in Brunei Darussalam. *American International Journal of Contemporary Research*, 2 (8): 134-141.